



SIARAN MEDIA

KPKT TERUS PROAKTIF DAN RESPONSIF DALAM MENANGANI ISU PERBANDARAN KE ARAH PEMBANGUNAN EKONOMI YANG MAMPAN

KUALA LUMPUR, 27 Mac 2024 – Kerajaan pada hari ini bersetuju dan komited untuk terus menerajui agenda kemampunan perbandaran dalam usaha menyokong pembangunan ekonomi ke arah meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat di negara ini.

Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-82 pada hari ini dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air bertempat di Bangunan Parlimen. **Sebanyak empat (4) kertas telah dibentangkan merangkumi tiga (3) kertas pertimbangan dan satu (1) kertas makluman.** Mesyuarat turut dihadiri oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Exco-Exco Kerajaan Negeri, Menteri-menteri Persekutuan yang berkaitan dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan.

Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) merupakan **medium perundingan bagi penggubalan dasar berkaitan hal ehwal Kerajaan Tempatan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri** selaras dengan Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan. Keputusan-keputusan dasar dan perkara-perkara yang dibincangkan dalam Mesyuarat MNKT akan dibawa untuk perhatian Kerajaan Negeri sebelum ia dilaksanakan di peringkat Kerajaan Tempatan.

Bagi menambah baik usaha keselamatan rekreasi dan kesejahteraan hidup rakyat, MNKT Ke-82 pada hari ini telah bersetuju dengan **Garis Panduan Perancangan Tapak Perkhemahan (GPPTP)**. Garis panduan ini bertujuan untuk dijadikan panduan kepada pengguna, pengusaha dan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) / Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam merancang dan memastikan tapak-tapak perkhemahan yang digunakan

adalah selamat, mampan serta mematuhi perundangan yang berkuat kuasa. GPPTP memfokuskan tiga (3) aspek utama iaitu **perancangan tapak, mekanisme pemajuan dan kawal selia** serta **pengurusan operasi tapak perkhemahan**. Melalui garis panduan ini, rakyat dapat menjalankan aktiviti perkhemahan dengan selamat di tempat-tempat yang telah dilesenkan.

Selari dengan hasrat yang sama, MNKT-82 turut bersetuju dengan **Garis Panduan Pengurusan dan Penarafan Bintang Tandas Awam di Malaysia**. Garis Panduan yang menggantikan Garis Panduan *Star Rating* Kebersihan Tandas Kegunaan Awam di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan yang telah diguna pakai selama ini telah ditambah baik dengan penambahan mekanisme pemantauan dan pemeriksaan secara sendiri. Anugerah *Toilet of The Year* (TOTYA) 2023 telah memperlihatkan penyertaan yang menggalakkan melalui 345 penyertaan dan sebanyak lima (5) kategori telah dipertandingkan iaitu hotel, pusat beli belah, kawasan rehat dan rawat (R&R), stesen minyak dan restoran dengan menawarkan hadiah wang tunai RM10,000 berserta piala dan sijil.

Bagi menyokong perkembangan ekonomi semasa, MNKT-82 turut bersetuju dengan **Garis Panduan Kawal Selia Perniagaan Dari Rumah** yang akan berperanan sebagai asas dan panduan oleh PBT di seluruh negara dalam melaksanakan pematuhan dan penguatkuasaan aktiviti perniagaan dari rumah. Garis panduan ini teretus ekoran daripada penambahan usahawan mikro dalam jumlah yang ketara akibat penularan pandemik COVID-19 yang menjejaskan punca pendapatan sebilangan besar rakyat.

Aspek-aspek utama yang dirangkumkan dalam garis panduan tersebut adalah **ciri-ciri perniagaan dari rumah, pelan lokasi dan keluasan kebenaran berniaga, syarat dan tatacara permohonan lesen perniagaan** serta **perincian aktiviti perniagaan yang dibenarkan**. Perancangan ini adalah sejajar dengan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 yang bertujuan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan yang inklusif menjelang tahun 2030 yang merencanakan perniagaan mikro dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Selain itu, mesyuarat mengambil maklum mengenai **Status Pewartaan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984) (Pindaan 2021)** oleh PBN dan PBT. UKBS 1984 adalah perundangan subsidiari di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan

1974 (Akta 133) yang bertujuan bagi **menyeragamkan undang-undang berkaitan pemajuan bangunan di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia**. UKBS 1984 ini telah dipinda dari 1991 sehingga yang terkini adalah pada tahun 2021 di mana pindaan ini adalah bertujuan bagi memenuhi keperluan semasa selaras dengan dasar-dasar baru yang dilaksanakan. **Pindaan terkini pada tahun 2021 telah melibatkan sebanyak 114 pindaan** yang melibatkan kategori-kategori utama pemajuan. Susulan itu, adalah perlu bagi kesemua negeri di Semenanjung Malaysiaewartakan pindaan semasa supaya perkhidmatan yang diberikan di peringkat PBT adalah seragam.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#UnityInDiversity
#DemiPertawi

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

